

07 FEB 2004

Abdullah-Produktiviti

ABDULLAH MAHU PETUGAS AWAM DI PUTRAJAYA TINGKATKAN PRODUKTIVITI

PUTRAJAYA, 7 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kakitangan awam di Putrajaya mencapai tahap produktiviti yang tinggi serta menunjukkan sikap dan etika kerja yang baik sesuai dengan kemudahan infrastruktur kelas pertama yang disediakan.

Perdana Menteri berkata para pegawai kerajaan yang bekerja di sini adalah generasi kakitangan kerajaan yang bernasib baik kerana memiliki kemudahan infrastruktur yang baik.

"...berbanding saya dahulu, kakitangan yang berkhidmat di bangunan yang ditumpangkan," katanya ketika merasmikan majlis ulangtahun ketiga penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya, di sini hari ini.

Abdullah berkata pada masa ini bilik-bilik pejabat yang disediakan adalah selesa berbanding dahulu keadaan pejabat dikongsi bersama oleh empat orang kakitangan.

"Tapi pada hari ini (dengan) penyelesaian bilik-bilik yang disediakan dan juga kemudahan yang diberikan harus menyuntik semangat untuk bekerja dan meningkatkan mutu serta produktiviti," kata Perdana Menteri.

Beliau juga mahu penduduk Putrajaya dikenali sebagai warga yang mempunyai tanggungjawab sosial dan memiliki kesedaran sivik yang tinggi.

"Saya dan anda semua berhijrah ke sini sama ada bekerja ataupun menetap di sini biarlah merasai perubahan yang berlaku, pastikan ada perubahan sikap," katanya.

Perdana Menteri juga berkata warga Putrajaya seharusnya memiliki sikap mementingkan keindahan persekitaran di sini yang menjadi satu kebanggaan rakyat Malaysia.

Beliau juga berkata Putrajaya merupakan satu bandar masa depan yang dibina mengikut ciri, struktur dan corak pembangunan tertentu yang mempunyai kelebihan berbanding bandar lain.

Katanya memang terdapat perbezaan ketara di antara Putrajaya dan Kuala Lumpur, sebagai ibu negara Malaysia.

Kuala Lumpur yang pesat membangun memang sukar diatasi bandar-bandar lain tetapi Putrajaya mempunyai kelebihan sendiri dari segi corak pembangunan keseluruhannya.

Ia hasil visi Tun Dr Mahathir Mohamad semasa beliau menjadi Perdana Menteri, katanya.

Abdullah berkata Perbadanan Putrajaya sebagai pihak berkuasa tempatan di sini turut berupaya menentukan secara mendalam apakah ciri-ciri bandar yang terbaik yang perlu ada pada Putrajaya.

"Jambatan-jambatan, keluasan jalan-jalan raya, pejabat-pejabat kerajaan dan rumah-rumah kediaman telah dibina dengan berhati-hati," katanya.

Beliau berharap segala perancangan oleh Perbadanan Putrajaya membangunkan kawasan yang belum lagi dimajukan di sini, seluas 4,931 hektar, akan dilaksanakan dengan cepat.

-- BERNAMA

RIZ RON